



PEJABAT PERDANA MENTERI
MALAYSIA
BANGUNAN PERDANA PUTRA
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62502 PUTRAJAYA

Telefon : 88888000
Faks : 88883444
Web : <http://www.pmo.gov.my>

PPM(T)1052-18-11 Kit. II (54)

27 Jun 2007

Kepada Sesiapa Yang Berkennaan

PER: SYARIKAT TOKAI LIGHTNING PROTECTION SDN BHD

Sukacita dimaklumkan bahawa Syarikat Tokai Lightning Protection Sdn Bhd telah menjalankan kerja-kerja projek **Pembaikan Sistem Kawalan Keselamatan Dan Pembekalan Sistem Perlindungan Kilat Dan Terpaan Arus (Security And Lightning / Surge Protection System Specialist)** di kediaman rasmi YAB Perdana Menteri Malaysia di Putrajaya pada tahun 2005. Di atas kejayaan itu, maka pihak kerajaan telah memberikan peluang kepada syarikat ini bagi membuat kerja-kerja baik pulih dan pengantian peralatan serta sistem pengurusan integrasi keselamatan (*Integrated Security Management System, ISMS*) di Bangunan Perdana Putra (Parcel A) dan Kompleks Jabatan Perdana Menteri (Parcel B) yang dijangkakan akan dimulakan pada bulan Julai 2007.

2. **Syarikat ini telah pun menunjukkan komitmen yang tinggi, khidmat sokongan yang baik, penguasaan masa yang cemerlang dan telah berjaya menyiapkan projek berkenaan lebih awal daripada tempoh masa yang ditetapkan. Kakitangan syarikat ini juga amat bekerjasama di dalam memberi khidmat sokongan ke atas pengendalian sistem yang digunakan, walaupun aktiviti ini adalah di luar skop kerja yang telah ditauliahkan.**

3. Pihak kami menyokong penuh di atas sebarang projek yang dipohon oleh syarikat ini dan berkeyakinan penuh dapat melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkannya dengan sempurna dan berkesan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(ADAM AHMAD)

b.p Ketua Setiausaha Sulit
kepada Perdana Menteri